

Tarbiyah Pengasas Siri 55
1 Ogos 2023

BAGAIMANA IMEJ IDEAL WARGA ISDEV DIIKUTI DAN DIHAYATI?

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Murni Yusoff

Bagaimanakah nak memastikan yang imej peribadi ideal yang dinyatakan tersebut pada bulan lepas dapat diikuti dan dihayati dengan sebenar-benarnya oleh setiap warga ISDEV?

Jawapan

1. Nak menjamin diikuti dan dihayati dengan sebenar-benarnya agak sukar. Pembinaan imej peribadi dan institusi melibatkan proses yang panjang dan tidak mudah. Ia memakan masa. Tetapi kita telah dan sedang diusahakan.
2. Misalnya imej Pusat Pengurusan Zakat (cerita Dato' Rahim dan Dato' Dahlan mengambil staf professional untuk membina budaya korporat); Imej institusi-institusi Islam (dengan cat dan susunan perabut, cara lekat iklan, etc). Begitu juga dengan imej hospital.
3. Imej jenama ideal warga ISDEV perlu terserlah dalam dua bentuk: Pertama, sebagai seorang Islam. Kedua, sebagai seorang intelektual.
4. Imej yang terbina daripada kedua-dua bentuk ini ialah imej intelektual Islam.

5. Ada tiga cara imej sebegini boleh diikuti dan dihayati oleh setiap warga ISDEV. Pertama, suasana fizikal sekeliling. Kedua, suasana dalam diri warga ISDEV. Dan ketiga, tazkirah dan tarbiyah yang konsisten.
6. CARA PERTAMA - SUASANA FIZIKAL SEKELILING: Telah dipastikan ofis ISDEV cantek dan bersih, ternampak unsur-unsur intelektual.
7. Misalnya - (1) Di CO5:
 - (i) Walau ruang kecil dan sempit, diusahakan ia **cantek dan tersusun** dengan bantuan Jabatan Pembangunan (walaupun ISDEV sebagai Virtual Centre tidak dibantu secara material oleh USM).
 - (ii) **Dipamerkan aktiviti intelektual** di papan kenyataan, umpamanya penerbitan, pengumuman dan sebagainya.
 - (iii) Dipamerkan segala **plagues dan cenderahati** yang diterima sebagai refleksi jaringan ISDEV.
 - (iv) Diletakkan kerusi **di ruang masuk pejabat** untuk menimbulkan sambutan mesra kepada tetamu.
 - (v) **Tidak dipamerkan notis-notis** bersifat arahan (misalnya kebersihan tandas) agar warga ISDEV faham sendiri dan menghayatinya secara lojik dan otomatis.
 - (vi) Sentiasa **berpakaian kemas**
 - (vii) Pakai **pakaian seragam** setiap hari Jumaat

8. Di bangunan sekarang (D04): Suasana sekeliling di CO5 diteruskan
 - (i) Dipastikan warna **cat dan logo ISDEV** bersifat intelektual.
 - (ii) **Susunan perabut dan pejabat** kemas
 - (iii) **Pameran plague dan cenderahati** jelas.
 - (iv) **Aktiviti intelektual** dipaparkan (etapi ruang terhad)
 - (v) **Kemudahan asas** seperti surau, pantri, mesin minuman, snacks disediakan.
 - (vi) Ada **dipamerkan tesis-tesis dan bahan-bahan rujukan**
 - (vii) **Kerusi-kerusi di ruang pejabat** disediakan dengan banyak sebagai penyambut tetamu.
 - (viii) **Halaman luar pejabat** nyaman dan menenangkan.
 - (ix) **Kebersihan** dijaga dengan sebaiknya.
9. **Bangunan Wakaf ISDEV:** Cuba dibangunkan bangunan lapan tingkat yang lengkap dengan restoran-restoran, Small Office Home Office (SOHO), apartment, pejabat ISDEV, dewan banquet, dewan persidangan, dan hotel. Masih dalam mimpi kerana beberapa isu yang belum dapat diatasi. Jika Allah izinkan, bangunan wakaf ISDEV ini akan menjadi landmark penting bagi USM.

10. CARA KEDUA - SUASANA DALAM DIRI WARGA ISDEV:

- (1) Tanam **jati diri Islam** melalui:

- (i) Tanam iman dan taqwa
 - (ii) Tanam rasa bertuhan dan rasa kehambaan
 - (iii) Buang mazmumah dan perbanyakkan mahmudah
- (2) Tanam budaya ilmu melalui:
- (i) Mengajar dan belajar dengan komited
 - (ii) Sentiasa berdamping dengan sumber ilmu seperti buku dan sebagainya. Pernah diminta setiap pensyarah membaca buku secara istiqamah dan ditanya oleh Pengarah semasa mesyuarat
 - (iii) Digalak mengikuti perkembangan isu-isu dalam dan luar negara

11. CARA KETIGA - TAZKIRAH DAN TARBIYAH YANG KONSISTEN:

- (i) Asma-ul-husna sebelum setiap program
- (ii) Tazkirah sebelum kuliah
- (iii) Pengajian Selasa
- (iv) Tarbiyah Pengarah dan Pengasas
- (v) Bermusafir.
- (vi) Nota: Didikan bersemuka lebih berkesan daripada secara maya.